



OFFICE OF INDUSTRIAL LINKS

Ref : IIUM/222/14/3/1.KTP RIGS 2021
Date : 28th June 2021

Project Leader:

Dr. Halimaton Saadiah Othman
Kulliyah of Science

Team Members:

Assoc. Prof. Dr. Zarina Zainuddin
Kulliyah of Science

Dr. Nurul Hidayah Samsulrizal
Kulliyah of Science

Dr. Nur Sabrina Ahmad Azmi
Kulliyah of Science

Dr. Nurul Huda Abdul
Kulliyah of Science

Assoc. Prof. Dr. Nora Mat Zin
Kulliyah of Medicine

Dear Prof / Assoc. Prof / Asst. Prof / Br / Sr,

السلام عليكم

APPROVAL LETTER FOR KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME-RESEARCH INITIATIVE GRANT SCHEME (KTP-RIGS 2021)

May this letter reach you in the best of health.

Please be informed that your application for the above grant has been approved. The details of project are as the following:

Project Title	Establishment of Horticultural Therapy Towards the Healing of Special Needs Children Suffering from Autism Affected by COVID-19 Pandemic
Commencement Date	1 st July 2021
Duration	12 months (up to 30 th June 2022)
Amount Approved	RM 20,000.00

Kindly take note the following;



1. All financial processes (claims, advancement, reconciliation, travelling and procurement) must comply with the IIUM Financial Policies. The forms and proposal should be submitted to Director, Office of Industrial Links for verification and approval.
2. The Project Leader is required to submit a progress report in every three months; October 2022, January 2022, April 2022 and July 2022.
3. At the end of each project, equipment purchased (under the grant) should be listed as inventories and to be handed over to the respective K/C/D/I.
4. The Project Leader is obliged to submit the result of the project upon notification and request by the Office of Industrial Links.
5. The Project Leader and Team Members are expected to fulfil the following obligations:
 - a. The project must have positive impact on the Community/Industry receiving/benefiting the Knowledge Transfer Programme (this project shall be included under Section G 6 (a) and (b) of MyRA Section G6: Knowledge/ Technology Diffusion Projects/ Assimilation (Social Innovation). Section G6 (a): Total Number of New Community-Related Research Projects; and Section G6 (b): Total Number of Communities Receiving/ Benefiting from the Knowledge/ Technology Diffusion Projects)
 - b. One (1) IPR (Intellectual Property Rights) which may include:
 - Program modules
 - Survey instruments
 - Training slides
 - Booklets
 - Apps (Application Software)
6. In the event, the Project Leader fails to submit the expected output or the Project is not completed, or abandoned, or terminated, the university has the right to recover such amount of expended or unexpended monies already paid by RMC, in whole or in part, or by salary deduction, or by other means deemed viable by the IIUM.

Please read the terms outlined in the Letter of Undertaking and return the duly signed letter to OIL. We hope that you will be able to complete the project as scheduled and we pray to Allah (swt) to guide us in all our endeavours to work for the betterment of the Muslim ummah.

Thank you, والسلام.

“LEADING THE WAY”



DR. NORBAIDURI RUSLAN
Director
Office of Industrial Links
International Islamic University Malaysia

c.c Deputy Dean Postgraduate Research / Head of Research
RMC



Office Address: Office of Industrial Links, Level 4, Human Sciences Building,
International Islamic University Malaysia, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur.

Tel: +603-6421 6320 / 6321 | **Fax:** +603-6421 4049 | **E-mail:** oil@iium.edu.my | **Website:** <http://www.iium.edu.my/office/oil>

‘Healing Garden’: Modul Aktiviti dan Pelaksanaan



Disediakan oleh: Nur Sabrina Ahmad Azmi (PhD)
Halimatun Saadiah Othman (PhD)
Zarina Zainuddin (PhD)
Nurul Hidayah Samsulrizal (PhD)
Nurul Huda Abdul (PhD)
Nora Md. Zin (MD) (MMed)

I CAN DO: MARI BERMAIN TANAH

Objektif

Aktiviti ini dijalankan bertujuan untuk memperkenalkan tekstur tanah kepada peserta; meningkatkan koordinasi mata dan tangan; mengurangkan tingkahlaku agresif dan merendahkan rasa kebimbangan.

Kumpulan Sasaran

Kanak- kanak Autistik, ADHD

Alatan yang Diperlukan

Pengorek tanah, Plot Tapak Semaian



Pelaksanaan Aktiviti

1. Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil bergantung kepada daya sensitiviti mereka terhadap tekstur. Kemudian, peserta dibawa ke plot tanaman dan mereka diberi peluang untuk memilih alat pengorek.
 2. Penyelia memberi tunjuk ajar kepada peserta bagaimana menggunakan alat pengorek untuk mengorek tanah. Seterusnya, penyelia hendaklah memberi galakan kepada peserta untuk meneruskan aktiviti mengorek tanah.
 3. Sepanjang aktiviti dijalankan, penyelia hendaklah bersikap terbuka terhadap teknik yang dipilih/ digunakan oleh peserta untuk menjalankan aktiviti.
 4. Penyelia juga hendaklah memberi kebebasan jika terdapat peserta yang ingin berbaring di atas tanah ataupun mencium bau tanah. Penyelia boleh mengambil peluang ini untuk berkomunikasi dengan para peserta berkenaan tanah.
 5. Antara soalan- soalan yang boleh diajukan kepada peserta semasa menjalankan aktiviti ini ialah:
 - Bagaimanakah perasaan peserta semasa menjalankan aktiviti ini?
 - Apakah bentuk dan rupa tanah?
 - Bagaimanakah rasa tekstur tanah?
 - Apakah yang terdapat di dalam tanah?
 6. Penyelia hendaklah memberikan reaksi positif terhadap maklumbalas yang diberikan oleh para peserta. Aktiviti ini dapat meningkatkan daya tumpuan dan mengajar kemahiran berkongsi di antara para peserta.
 7. Gunakan aktiviti ini sebagai salah satu cara untuk meningkatkan motivasi di kalangan para peserta dan elakkan daripada menjadikan aktiviti ini sebagai salah satu aktiviti denda.
- ❖ Penyelia hendaklah melakukan pemantauan rapi semasa aktiviti ini dijalankan untuk mengelakkan berlakunya tingkahlaku agresif di kalangan para peserta.
-



I CAN GROW: MARI MENYEMAI BIJI BENIH

Objektif

Aktiviti ini dijalankan bertujuan untuk menggalakkan peserta mengikuti turutan aktiviti dan melatih koordinasi mata dan tangan.

Kumpulan Sasaran

Kanak- kanak Autistik, ADHD

Alatan yang Diperlukan

Biji benih, bekas semaian/ cawan plastik yang bertebuk lubang, tanah campuran, alat penyiram, air

Pelaksanaan Aktiviti

1. Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Kemudian, peserta dibawa ke plot tanaman dan mereka diperkenalkan dengan bekas semaian.
 2. Dalam aktiviti ini, penyelia memberi tunjuk ajar kepada peserta turutan set aktiviti seperti berikut:
 - a. Isi tanah separuh ke dalam bekas semaian/ cawn plastic
 - b. Buat lubang dengan menggunakan jari.
 - c. Letak biji benih ke dalam lubang.
 - d. Kambus lubang menggunakan jari.
 - e. Siram bekas yang mengandungi anak pokok dan tanah menggunakan alat penyiram.
 3. Sepanjang aktiviti dijalankan, penyelia hendaklah memberikan reaksi positif terhadap respons yang diberikan oleh para peserta. Aktiviti ini dapat meningkatkan daya tumpuan dan mengajar kemahiran untuk mengikuti turutan aktiviti di kalangan para peserta.
 4. Jangan lupa untuk menyiram pokok setiap hari.
 5. Jika ada biji benih yang tidak bercambah, penyelia hendaklah menjelaskan kepada peserta tentang percambahan biji benih ini dipengaruhi oleh beberapa faktor di luar kawalan seperti cuaca, suhu dan kesihatan biji benih.
- Penyelia hendaklah melakukan pemantauan rapi semasa aktiviti ini dijalankan untuk mengelakkan berlakunya tingkahlaku agresif di kalangan para peserta.
-



I CAN GROW: MARI MEMINDAHKAN POKOK

Objektif

Aktiviti ini dijalankan bertujuan untuk menggalakkan peserta mengikuti turutan aktiviti dan melatih koordinasi mata dan tangan.

Kumpulan Sasaran

Kanak- kanak Autistik, ADHD

Alatan yang Diperlukan

Anak pokok, bekas untuk menanam/ polibeg, tanah campuran, alat penyiram, air, alat pengorek

Pelaksanaan Aktiviti

1. Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil bergantung kepada daya sensitiviti mereka terhadap tekstur. Kemudian, peserta dibawa ke plot tanaman dan mereka diberi peluang untuk memilih bekas untuk menanam atau polibeg
 2. Dalam aktiviti ini, penyelia memberi tunjuk ajar kepada peserta turutan set aktiviti seperti berikut:
 - a. Sediakan bekas untuk menanam dan masukkan tanah 3/4 penuh ke dalam bekas/polibeg menggunakan alat pengorek
 - b. Buat lubang untuk anak pokok menggunakan alat pengorek.
 - c. Korek dan pegang anak pokok di dulang percambahan dengan berhati-hati.
 - d. Pindah anak pokok dengan berhati hati ke dalam lubang di bekas/polibeg dan kambus. Pastikan semua akar berada di dalam lubang. Tekan tanah disekeliling pokok dengan lembut dan berhati-hati.
 - e. Siram bekas yang mengandungi anak pokok dan tanah menggunakan alat penyiram., dan letakkan di tempat yang mendapat cahaya matahari.
 3. Sepanjang aktiviti dijalankan, penyelia hendaklah memberikan reaksi positif terhadap respons yang diberikan oleh para peserta. Aktiviti ini dapat meningkatkan daya tumpuan dan mengajar kemahiran untuk mengikuti turutan aktiviti di kalangan para peserta.
 4. Jangan lupa untuk menyiram pokok di akhir aktiviti.
 5. Sebagai ganjaran, para peserta boleh membawa pulang bekas dan pokok yang ditanam.
- Penyelia hendaklah melakukan pemantauan rapi semasa aktiviti ini dijalankan untuk mengelakkan berlakunya tingkahlaku agresif di kalangan para peserta.
-



I CAN FEEL: MARI MENYENTUH

Objektif

Aktiviti ini dijalankan bertujuan untuk menggalakkan stimulasi deria sentuh peserta dengan menyentuh tekstur tumbuh-tumbuhan tertentu

Kumpulan Sasaran

Kanak-kanak Autistik, ADHD

Alatan yang Diperlukan

Pokok-pokok di plot sensori sentuhan (Zon Sentuhan)

Pelaksanaan Aktiviti

1. Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil bergantung kepada sensitiviti daya sensori masing-masing.
 2. Para peserta dibawa ke plot sensori sentuh.
 3. Penyelia memberi tunjuk ajar kepada para peserta dengan membuat demonstrasi aktiviti-aktiviti berikut:
 - a. Memperkenalkan daun dan bunga kepada para peserta
 - b. Menyentuh permukaan daun-daun
 - c. Menyentuh kelopak bunga
 4. Semasa aktiviti dijalankan, para penyelia hendaklah memberikan galakan positif sambil menerangkan tekstur permukaan tumbuh-tumbuhan.
 5. Para penyelia hendaklah menggalakkan peserta untuk memberikan respons atau maklum balas daripada para peserta sepanjang aktiviti dijalankan.
-
- Penyelia hendaklah melakukan pemantauan rapi semasa aktiviti ini dijalankan untuk mengelakkan berlakunya tingkahlaku agresif di kalangan para peserta.
-



I CAN SMELL: BAU APA INI?

Objektif

Aktiviti ini dijalankan bertujuan untuk menggalakkan stimulasi deria bau peserta dengan menghidu bunga-bunga dan pokok yang menghasilkan aroma.

Kumpulan Sasaran


Kanak-kanak Autistik, ADHD

Alatan yang Diperlukan

Pokok-pokok di plot sensori bau (Zon Aroma)

Pelaksanaan Aktiviti

1. Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil bergantung kepada sensitiviti daya sensori masing-masing.
 2. Para peserta dibawa ke plot sensori bau.
 3. Penyelia memberi tunjuk ajar kepada para peserta dengan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:
 - a. Memperkenalkan daun dan bunga kepada para peserta
 - b. Membawa peserta menghampiri daun beraroma/ bunga-bunga.
 - c. Membuat demonstrasi menggunakan hidung untuk mencium bau-bauan daripada pokok dan bunga-bunga di plot sensori bau
 4. Semasa aktiviti dijalankan, para penyelia hendaklah memberikan galakan positif sambil menjelaskan profil bau-bauan yang dihidu oleh para peserta.
 5. Para penyelia hendaklah menggalakkan peserta untuk memberikan respons atau maklum balas daripada para peserta sepanjang aktiviti dijalankan.
-
- Penyelia hendaklah melakukan pemantauan rapi semasa aktiviti ini dijalankan untuk mengelakkan berlakunya tingkahlaku agresif di kalangan para peserta.
-



I CAN HEAR: BUNYI APA INI?

Objektif

Aktiviti ini dijalankan bertujuan untuk menggalakkan stimulasi deria mendengar peserta.

Kumpulan Sasaran

Kanak-kanak Autistik, ADHD

Alatan yang Diperlukan

Loceng angin

Pelaksanaan Aktiviti

1. Aktiviti ini dijalankan berhampiran dengan kolam, dimana para peserta akan diajar untuk mengenalpasti dan membuat pengecaman terhadap bunyi yang didengari.
 2. Penyelia memberi tunjuk ajar kepada para peserta dengan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:
 - a. Meletakkan tangan kanan di belakang telinga
 - b. Meletakkan tangan kiri di bibir sebagai isyarat diam
 - c. Meminta peserta fokus kepada bunyi yang dihasilkan sambil mengajuk bunyi tersebut.
 - a. Contoh dialog yang boleh digunakan: '*Cuba dengar bunyi ini*' atau '*Boleh tak kamu dengar bunyi ini?*'
 - d. Para penyelia menggalakkan peserta untuk mengajuk bunyi yang dihasilkan.
 3. Semasa aktiviti dijalankan, para penyelia hendaklah memberikan galakan positif sambil menjelaskan bunyi yang didengar oleh para peserta.
 4. Para penyelia hendaklah menggalakkan peserta untuk memberikan respons atau maklum balas daripada para peserta sepanjang aktiviti dijalankan.
- Penyelia hendaklah melakukan pemantauan rapi semasa aktiviti ini dijalankan untuk mengelakkan berlakunya tingkahlaku agresif di kalangan para peserta.
-



I CAN TASTE: MARI MEMBUAT TEH

Objektif

Aktiviti ini dijalankan bertujuan untuk menggalakkan stimulasi deria rasa dan kemahiran motor peserta.

Kumpulan Sasaran Kanak-kanak Autistik, ADHD

Alatan yang Diperlukan

Cawan/ bekas air, daun pandan dan pudina yang telah dikeringkan terlebih dahulu, air suam, kiub ais, gula jika perlu, penyepit ais

Pelaksanaan Aktiviti

1. Aktiviti ini dijalankan di dalam kelas atau kawasan lapang, di mana peserta akan diajar membuat teh menggunakan pokok-pokok tertentu.
 2. Terlebih dahulu, penyelia hendaklah memperkenalkan daun-daun dan bahan-bahan yang diperlukan dalam aktiviti ini.
 3. Penyelia memberi tunjuk ajar kepada para peserta dengan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:
 - a. Penyelia memasukkan daun kering ke dalam bekas air/ cawan
 - b. Dengan pengawasan, penyelia mengisi air suam kedalam cawan sehingga separuh penuh.
 - c. Biarkan selama 2 minit daun-daun tersebut di dalam air suam.
 - d. Dengan menggunakan penyepit ais, masukkan 2-3 kiub ais ke dalam cawan.
 - e. Masukkan 1 sudu teh gula jika perlu. Kacau dengan menggunakan sudu.
 - f. Apabila air sudah sejuk, para peserta diminta untuk merasa air tersebut.
 - g. Para penyelia boleh mendapatkan maklum balas daripada peserta tentang rasa air teh tersebut.
 4. Semasa aktiviti dijalankan, para penyelia hendaklah memberikan galakan positif kepada para peserta.
 5. Para penyelia hendaklah menggalakkan peserta untuk memberikan respons atau maklum balas daripada para peserta sepanjang aktiviti dijalankan.
- Penyelia hendaklah melakukan pemantauan rapi semasa aktiviti ini dijalankan untuk mengelakkan berlakunya kemalangan dan tingkahlaku agresif di kalangan para peserta.
-



I CAN DO: MARI MEMBUAT POTPOURRI

Objektif

Aktiviti ini dijalankan bertujuan untuk menggalakkan stimulasi deria bau dan kemahiran motor peserta.

Kumpulan Sasaran

Kanak- kanak Autistik, ADHD

Alatan yang Diperlukan

Beg potpourri, bunga-bunga kering, daun pandan, pewangi, bekas bertutup

Pelaksanaan Aktiviti

1. Sebelum aktiviti dijalankan bersama peserta, penyelia hendaklah terlebih dahulu mengeringkan bunga-bunga dan daun pandan. Letakkan kelopak bunga dan daun pandan diantara dua tisu dan panaskan di dalam ketuhar gelombang selama 1 minit.
 2. Penyelia memperkenalkan bunga-bunga dan daun pandan yang digunakan kepada para peserta.
 3. Penyelia memberi tunjuk ajar kepada para peserta dengan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:
 - a. Penyelia memasukkan bunga dan daun kering kedalam bekas bertutup
 - b. Penyelia menambahkan beberapa titis pewangi ke atas bunga dan daun kering dan gaul sehati.
 - c. Tutup bekas tersebut selama 15-20 minit.
 - d. Dengan menggunakan tangan, pindahkan campuran bunga kering kedalam beg/ kantung potpourri.
 - e. Ikat kemas beg/kantung potpourri.
 - f. Sangkutkan di beg para peserta jika perlu.
 4. Semasa aktiviti dijalankan, para penyelia hendaklah memberikan galakan positif kepada para peserta.
 5. Para penyelia hendaklah menggalakkan peserta untuk memberikan respons atau maklum balas daripada para peserta sepanjang aktiviti dijalankan.
-
- Penyelia hendaklah melakukan pemantauan rapi semasa aktiviti ini dijalankan untuk mengelakkan berlakunya kemalangan dan tingkahlaku agresif di kalangan para peserta.
-